

27/12/2003

## Suasana rimba pelengkap Hornbill Golf & Jungle Club

Haswari Ali

BAYANGKANLAH pemandangan indah di atas gunung dengan kabus memutih dan hawa segar menyelubungi puncak. Bayangkan juga hamparan padang golf yang dikelilingi kehijauan hutan hujan tropika dan anda hanya ditemani bunyian unggas rimba.

Semua ini boleh anda nikmati jika berkunjung ke Hornbill Golf & Jungle Club, Borneo Highlands Resort - pusat peranginan yang terletak di Padawan, kira-kira sejam perjalanan ke arah selatan dari Kuching, Sarawak.

Terbentang di puncak Gunung Borneo setinggi 1,000 meter dari aras laut, pelbagai agenda menarik menanti anda jika berkunjung ke sini selain bermain golf.

Eksekutif Spa dan Rekreasi Hornbill Golf & Jungle Club, Allan Ananth Pandian, berkata perkhidmatanurut tradisional masyarakat Bidayuh menjadi antara tarikan utama bagi pengunjung ke resort istimewa ini.

"Ramai pelancong sudah biasa dengan teknik urutan Indonesia atau Thailand tetapi di sini kami perkenalkan teknik urutan tradisi masyarakat Bidayuh yang menggunakan biji kopi dan beras bukit. Ia sungguh unik dan digemari pelancong.

"Dari segi lokasi, resort ini memang sunyi kerana terletak di tengah-tengah hutan yang menghijau. Dengan apa yang kami sediakan, resort ini amat sesuai menjadi tempat santai untuk melupakan segala urusan kerja seharian," katanya kepada i-Kon, baru-baru ini.

Hornbill Golf & Jungle Club, Borneo Highlands Resort mula dibuka kepada orang ramai pada 15 Julai 2000. Ia dirasmikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dengan kedinginan cuaca antara 18 hingga 28 darjah celsius, ia sesuai untuk anda bersiar-siar di sekitar resort ini walaupun jam menunjukkan angka 12 tengah hari.

Maklumkan saja hasrat anda kepada pihak hotel, sudah tentu mereka akan membawa meneroka seluruh kawasan yang berkeluasan 2,300 hektar seperti ladang sayuran organik, kebun bunga, taman arnab dan tasik angsa.

Jangan lupa minta pemandu trak berhenti pada ketinggian 3,281 kaki kerana di situ anda boleh melihat Kalimantan, Indonesia iaitu 600 meter ke bawah dari tempat anda berdiri.

"Resort ini mempunyai 58 bilik dan empat suite. Semua bilik menjanjikan pemandangan indah. Bagi pemain golf yang gemarkan cabaran, di sinilah tempat yang ideal kerana padangnya mempunyai 18 lubang dengan permukaan bukit-bukau dan berliku," kata Allan.

### LOKASI:

Hornbill Golf & Jungle Club, Borneo Higland Resort, Jalan Borneo Heights, Padawan Sarawak.

Tel: 082-790800 faks: 082-790100

E-mail: enquiry@hornbillgolf.com

Laman web: www.hornbillgolf.com